

Caj tambahan hanya untuk apron, sarung tangan

GOPENG - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) hanya membenarkan penyedia perkhidmatan kedai gunting rambut, pendandan rambut dan salun kecantikan untuk mengenakan caj tambahan kepada pelanggan bagi apron pakai buang dan sarung tangan sahaja.

Menterinya Datuk Alexander Nanta Linggi berkata, caj tambahan itu bukanlah dalam jumlah yang besar kerana bagi apron atau alas gunting rambut pakai buang kosnya kira-kira 80 sen sehingga RM1 sehelai.

"Pengusaha dinasihat supaya tidak menaikkan harga caj perkhidmatan sesua hati dan jika ingkar, tindakan tegas akan diambil ke atas mereka," katanya kepada pemberita selepas melakukan lawatan kerja ke Tesco Fresh Distribution Centre di sini semalam.

Selain itu, Nanta berkata, pihak kementerian telah mengeluarkan sebanyak 741 notis kepada penyedia perkhidmatan kedai gunting rambut,



FOTO: BERNAKA

Kerajaan hanya membenarkan penyedia perkhidmatan kedai gunting rambut dan salun kecantikan untuk mengenakan caj tambahan bagi apron pakai buang dan sarung tangan sahaja.

pendandan rambut, dan salun kecantikan, di seluruh negara sejak 10 Jun sehingga kelmarin menerusi Ops Catut 7.0.

Katanya, notis itu dikeluarkan, kerana didapati penyedia perkhidmatan dandan dan gunting rambut, meningkatkan kadar caj bagi perkhidmatan yang disediakan.

Sementara itu, Nanta berkata, Ops Durian yang dijalankan sejak 15 Jun, telah merekodkan empat kes dengan tiga daripadanya melibatkan Akta Kawalan Harga serta Anti Pencatutan 2011, dan satu kes bagi kesalahan di bawah Akta Timbang dan Sukat 1972, dengan nilai kompaun

keseluruhan dikeluarkan RM4,000.

"Kerajaan tidak menetapkan harga jualan bagi buah durian. Namun, penguatuasaan dijalankan ke atas gerai jualan durian di seluruh negara, bagi memastikan pematuhan peniaga supaya mereka meletakkan tanda harga dengan-jelas, bagi membolehkan pembeli membuat pilihan.

"Selain itu, peniaga perlu menggunakan alat timbang dan sukat yang tepat dan ditentusahkan, jangan tipu menimbang harga berat durian yang mahu dijual, kerana jika didapati bersalah, kita akan ambil tindakan," katanya. - Bernama